


Huang Poh Loh pelukis 'Anak Malaysia' Negeri Sabah



**CATATAN
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS**

UB 1.9.2019 B3


Lahir di Johor Bharu, negeri Johor pada tahun 1950 Huang Poh Lo bukanlah seorang berbangsa Tionghua tetapi lahir sebagai keturunan Tamil bernama N. Poolhsingam. Belajar di sebuah sekolah berprestij di Johore English College atau terkenal sebagai Maktab Sultan Abu Bakar.

Semasa di sekolah beliau menjadi pelajar terbaik dalam mata pelajaran dan juga ko-kurikulum. Apabila beliau berada di sekolah menengah Poh Loh sentiasa mendapat pujian oleh guru lukisan beliau kerana lukisannya yang menarik. Oleh kerana sangat fasih berbahasa Inggeris beliau sering menjadi *Editorial Board* atau ahli panitia majalah sekolah Johore English College.

Walau bagaimana pun beliau tidak lupa kepada dua orang sahabat yang pernah mendampingi dan banyak berjasa kepada beliau En. Ali bin Mohammad kini seorang pengurus besar Leo Burnet syarikat pengiklanan antarabangsa yang terkenal di rantau Asia Tenggara dan En. Ismail Atan seorang pelukis yang berjaya berwibawa. Begitu juga beliau tidak lupa dengan Dato Ibrahim Hussin tokoh pelukis negara semasa beliau menjadi penuntut di Universiti Malaya.

Beliau sering teringat akan pesan Allahyarham Datuk Ibrahim Hussin semasa membuat projek mural di Universiti Malaya "Seorang pelukis jangan menjauhkan dirinya dari berus lukisan".

Perjalanan yang berlaku dalam hidup Huang Poh Lo sepatutnya menjadi tauladan kepada pelukis muda hari ini. Selepas tamat belajar di Universiti Malaya dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi beliau menceburi berbagai jenis perniagaan yang boleh di buka oleh



KARYA: Bersama karya jualan beliau.

seorang yang berijazah perniagaan dan ekonomi namun beliau sentiasa gagal dalam perniagaan beliau, tanpa jemu setiap kali gagal beliau bangun dan membuka peluang perniagaan baru namun sebagai lumrah, manusia hanya boleh merancang namun segalanya Allah yang menentukan kejayaan kita.

Huang Poh Loh pasrah kepada nasib yang menimpa ke atas diri beliau akhirnya beliau mendapat kerja dengan syarikat antarabangsa dalam dunia penerbitan buku *Times Distributor* sebagai seorang pengurus bahagian negeri, satu jawatan yang tinggi lebih-lebih lagi apabila ditugaskan di Negeri Sabah pada tahun 1976, namun beliau tidak puas hati dan ingin bekerja sendiri dengan gaji yang lumayan ketika itu beliau meletakkan jawatan pada tahun 1980 dan membuka perniagaan dalam menguruskan penjualan buku di Sabah.

Beliau juga memperkembangkan perniagaan beliau dalam urusan kolam renang, peralatan sukan seperti golf, gimnasium dan perkhidmatan penyelam scuba. Namun setiap kali beliau bangun setiap kali itu juga beliau gagal olah-olah kena sumpahan.

Sejak itu beliau menjadi seorang bohemian merempat dan tidak mempunyai pekerja serasa serik untuk membuka perniagaan kerana apabila gagal beberapa kali dalam perniagaan beliau hanya tinggal dua ringgit dalam dompetnya dan ketika itu beliau memulakan melukis dan menulis kaligrafi

mandarin dan Islam.

Beliau mengajar dirinya membaca dan mengenali huruf mandarin melalui buku yang di tulis oleh seorang yang berketurunan Cina. *How To Learn Mandarin* sehingga beliau fasih berbahasa dan menulis bahasa Mandarin. Walaupun begitu beliau juga belajar tulisan jawi dan berupaya mengenali al-Quran membolehkan beliau mengajar anak angkat beliau menulis jawi dan melaungkan azan dan menjadi seorang Muslim.

Sebagai seorang insan yang unik Huang Poh loh menulis kaligrafi secara profesional selama dua puluh tiga tahun namun

“Huang Poh Loh seorang yang sangat berbakat dan versatile telah menggubah empat buah lagu tiga daripadanya lagu Kadazan dan satu lagu Melayu yang bertajuk Aidilfitri Malaysia. Idola beliau yang sangat berpengaruh adalah seniman P.Ramlee.



KERUMUNI: Poh Loh dikerumuni oleh touris luar negara Tamu Jalan Gaya.




GAMBAR BERSAMA: Penulis bersama Huang Poh Lo di Galeri Artisan.

beliau menolak menerima tempahan menulis ayat al-Quran kerana hormat kepada kitab suci al-Quran dan masyarakat Islam.

Malah beliau mencipta kaligrafi sendiri yang di beri nama Kaligrafi Rumi Arab atau *Roman Arabic Calligraphy* ia itu kaligrafi yang bersandarkan kepada tulisan rumi namun ia mempunyai rekabentuk corak kaligrafi Arab.

Huang Poh Loh seorang yang sangat berbakat dan *versatile* telah menggubah empat buah lagu tiga daripadanya lagu Kadazan dan satu lagu Melayu yang bertajuk Aidilfitri Malaysia. Idola beliau yang sangat berpengaruh adalah seniman P. Ramlee.

Oleh kerana sangat biasa dengan kegagalan beliau tidak pernah berputus asa malah walaupun tiada wang di dalam sakunya Poh Loh sentiasa berpakaian kemas segak dan bergaya. Menurut pendapat beliau seorang seniman atau pelukis mesti bergaya, kemas dan menghias diri, tidak perlu menunjukkan kedaifan dan meminta-minta berikan keyakinan kepada peminat atau pelanggan namun pelukis yang bergaya akan menjadikan pelukis yang senang di didampingi oleh khalayak seakan pendapat Dale Carnegie. Poh Loh



POSTER: Poster Huang Poh Loh yang digambarkan oleh Amri Ginang.



KALIGRAFI: Tulisan Kaligrafi China oleh pelukis.

boleh di temui setiap hari ahad di Pasar Tamu Jalan Gaya, Kota Kinabalu.

Beliau sentiasa membuka gerainya dengan membuat demonstrasi menulis kaligrafi Mandarin dan Islam serta dijual kepada peminat dan pengunjung Tamu Jalan Gaya di Sabah.

Akhir akhir ini beliau banyak membuat karya fotografi sebagai mengimbuai kemahiran beliau semasa belajar fotografi di sekolah, justeru banyak karya fotografi beliau di jual kepada kolektor tempatan dari golongan pemerintah negeri dan juga pelancong asing.

Pelukis ini merasakan menjadi pelukis jualan lebih bermakna pada diri beliau kerana banyak menemui pelanggan berbagai bangsa dalam dan luar negara malah beliau merasakan bahawa beliau lebih popular dari kebanyakan pelukis kerana karyanya banyak menjadi koleksi kalangan peraih seni, kolektor seni dan touris di Sabah. Walaupun tidak dapat di kira dengan kekayaan namun beliau merasakan menjaja karya di Pasar Tamu lebih

mendatangkan kepuasan diri beliau.

Berhubung isu semasa berkaitan tulisan jawi di sekolah beliau merasakan bahawa tulisan jawi dan khat mempunyai kedudukan yang berbeza sebab menurut beliau sebagai seorang penerima Anugerah Khat Kebangsaan merasakan Khat mempunyai element suci 'Sacred' sedangkan jawi adalah tulisan sebagai unsur komunikasi.

Walau bagaimana pun dalam diri Huang Poh Loh sebagai insan yang menggambarkan sebagai konsep Anak Malaysia yang sebenar berdasarkan amalan kehidupan beliau yang mempunyai keunikan tiga bangsa di dalam satu entiti di mana seorang Tamil yang mengamalkan budaya Cina dan Melayu sesuai sebagai Simbol Sambutan Hari Kemerdekaan Yang Keenam Puluh Dua Tahun Negara Malaysia.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).